

24 SEP 1998

MAHATHIR-PENETAPAN/I

MAHATHIR TIDAK TOLAK KEMUNGKINAN RENDAHKAN NILAI RINGGIT

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan merendahkan nilai ringgit daripada paras sekarang iaitu RM3.80 berbanding dolar AS, tetapi menambah bahawa kadar yang ditetapkan itu akan dikekalkan selama yang boleh.

Beliau berkata jika negara-negara lain menilai semula matawang mereka, "kita perlu merendahkan nilai (matawang) kita" supaya daya saing dikekalkan.

"Tetapi kita akan cuba mengekalkan penetapan itu supaya (syarikat-syarikat) dapat merancang dan mengadakan belanjawan tanpa bimbang mengenai kemudahruapan matawang," katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak mahu mengadakan halangan matawang jika boleh, tetapi ia perlu lanagkah-langlah perlindungan kerana regim kewangan antarabangsa belum berubah daripada "membolehkan orang lain merompak kekayaan orang lain".

"Susunan (sistem kewangan antarabangsa sekarang) perlu diubah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini hari ini.

Mengenai kesan pengawalan tukaran asing, beliau berkata kesannya akan mengambil masa beberapa bulan tetapi petanda pemulihan pertama telah ada seperti yang dibuktikan dengan peningkatan jualan kereta dari 5,000 unit sebulan kepada 12,000 unit.

Beliau berkata ia juga menunjukkan bahawa langkah-langkah untuk melonggarkan pinjaman dengan mengurangkan kadar faedah telah mula membuahkan hasil apabila pembayaranan permulaan bagi sewa-beli kenderaan telah menurun.

Kadar faedah sekarang boleh diterima, katanya sambil menambah bahawa 8.0 peratus "adalah paras yang baik kerana orangramai kini dapat menjalankan perniagaan".

Kadar pinjaman bagi perniagaan dulunya setinggi 20-21 peratus pada akhir 1997 yang menjadikannya amat mahal, di mana ia seterusnya membantutkan kegiatan perniagaan.

Walaupun kadar-kadar itu telah menurun kepada 16-17 peratus, kerajaan memutuskan untuk memilih dasar kewangan yang lebih liberal dalam usaha untuk merangsang ekonomi yang mengalami kemelesetan dalam suku kedua.

Dr Mahathir juga berkata rizab telah meningkat.

Bank Negara melaporkan bahawa pada 15 Sept, rizab emas, tukaran asing dan rizab-rizab lain meningkat dengan ketara kepada RM80.759 bilion berbanding dengan RM57.878 bilion dua minggu lepas.

Mengenai ramalan pertumbuhan bagi 1999, Dr Mahathir berkata kadar itu adalah lebih baik tetapi akan kekal konservatif bukannya optimistik.

Beliau berkata kerajaan yakin dengan tindakan yang dibuat untuk menangani ekonomi semasa. Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan sebarang pertumbuhan negatif.

Apabila ditanya sama ada terdapt masalah dalam merangka belanjawan 1999, beliau berkata: "Tiada masalah".

Perdana Menteri juga mengesahkan bahawa pemberian pinjaman sebanyak AS\$700 juta oleh Bank Dunia kepada Malaysia itu tertangguh kerana bank itu mahukan gambaran yang lebih jelas mengenai langkah pengawalan tukaran asing yang diambil oleh Malaysia.

"Mereka mereka tidak pasti apa yang dimaksudkan dengan pengawalan matawang. Mereka fikir ia memisahkan diri kita secara total daripada dunia.

Tetapi ia tidak benar," tambahnya.

Beliau berkata beliau akan menjelaskan situasi sebenarnya kepada Bank Dunia. Malaysia tidak menghalang modal asing daripada datang, tambahnya.

Mengenai cadangan Timbalan Perdana Menteri Australia Tim Fischer bagi sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dibuat di tempat lain selain Malaysia, beliau berkata ia hanyalah suara berseorangan.

"Jika anggota-anggota Apec bersetuju (mengadakannya di tempat lain), tiada halangan, tetapi jika hanya seorang timbalan perdana menteri tidak bersetuju, dia tidak payah datang," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata terdapat cadangan yang serupa yang dibuat oleh pihak lain di Australia mengenai Sukan Komanwel dengan kritikan bahawa jerebu dan kekurangan air akan merosakkan sukan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata apa yang sebenarnya berlaku adalah sukan di sini adalah yang terbaik dan orang lain bersedia datang.

-- BERNAMA

SHO JR MA